



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 48

11 Mac 2004

No. 6

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948
(Akta 92—Pindaan 1972)

No. 76.

PERLANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92—Pindaan 1972) Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dengan ini melantik pegawai yang berikut menjadi Majistret Kelas Dua bagi Negeri Pulau Pinang mulai tarikh yang disebutkan.

Bil.	Nama	Gelaran Jawatan	Tarikh Perlantikan Sebagai Majistret Kelas Dua Bagi Negeri Pulau Pinang
1.	Encik Idris bin Mat Kassim	Penolong Pegawai Daerah Gred M41	21-7-2003
2.	Encik K. Seveen a/l R. Govindasamy	Penolong Pegawai Tanah Gred NT22	16-1-2004

PEMBATALAN PERLANTIKAN SEBAGAI MAJISTRET KELAS DUA

Bil.	Nama	Gelaran Jawatan	Tarikh Pembatalan Perlantikan Sebagai Majistret Kelas Dua Bagi Negeri Pulau Pinang
1.	Encik Abu Hasan bin Omar	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	1-1-2004

Bil.	Nama	Gelaran Jawatan	Tarikh Pembatalan Perlantikan Sebagai Majistret Kelas Dua Bagi Negeri Pulau Pinang
2.	Encik Ahmad bin Said	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	15-1-2004

Bertarikh 13 Februari 2004.
[PSUKPP/(S)/01/1011/2.]

ABD RAHMAN SHAFFIE BIN KASSIM,
Bahagian Sumber Manusia,
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Pulau Pinang

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun 1965)
NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 77.

(Seksyen 62)
PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM
(Section 62)
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen Kecil (1) Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (Akta 56 Tahun 1965), Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dengan ini telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini menjadi tanah rizab bagi maksud awam iaitu sebagai Tapak Sistem Perkhidmatan Pembedungan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai Pegawai Pengawal dan diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan seperti ditunjukkan dalam Pelan No. PW 713 yang disimpan di Pejabat Ukur, Pulau Pinang mulai 19 Mei 2003.

In exercise of the powers conferred by Sub-Section (1) of Section 62 of the National Land Code (Act 56 of 1965), the State Authority of Penang hereby reserves the land described in the Schedule below hereto to be a reserved land for public purposes i.e. Sewage Service System and designated Federal Land Commissioner to be Controlling Officer and to be managed by Jabatan Perkhidmatan Pembedungan as shown in Plan No. PW 713 deposited in the Office of Director of Survey, Penang with effect from 19th May 2003.

JADUAL/SCHEDULE

No. Rujukan—PTG/PP/1948; PTSPT/A/3428; JUPP 546 PT1 SK 58; No. Pelan—PW 713; Lot/Mukim/Daerah—Plot 75, Mukim 11, Daerah Seberang Perai Tengah; Keluasan—0.9611 Hektar.

Bertarikh 10 Februari 2004.

Dated 10 February 2004.

[PTG/PP/1948.]

NG WEE KOK,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang

No. 78.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran bagi Geran Mukim GM 191, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang telah hilang

JADUAL

Mukim—Mukim 12; Lot—3689; Jenis dan No. Hakmilik—GM 191.

Bertarikh 10 Februari 2004.

[PTBD/P/46 Jld. 3(97).]

ABDUL HAMID BIN JAMALUDIN,
b.p. Pentadbir Tanah,
Daerah Barat Daya,
Pulau Pinang

No. 79.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran bagi HS(M) 32, Mukim H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang telah hilang

JADUAL

Mukim—Mukim H; Lot—PT. 33; Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 32.

Bertarikh 10 Februari 2004.
[PTBD/P/46 Jld. 3(98).]

ABDUL HAMID BIN JAMALUDIN,
b.p. Pentadbir Tanah,
Daerah Barat Daya,
Pulau Pinang

No. 80.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran bagi HS(M) 7, Mukim H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang telah hilang

JADUAL

Mukim—Mukim H; Lot—PT. 9; Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 7.

Bertarikh 16 Februari 2004.
[PTBD/P/46 Jld. 3(100).]

ABDUL HAMID BIN JAMALUDIN,
b.p. Pentadbir Tanah,
Daerah Barat Daya,
Pulau Pinang

AKTA KANUN TANAH NEGARA
(HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) 1963

No. 81.

JADUAL II

(Peraturan 6)

KEPUTUSAN/PERINTAH PESURUHJAYA

Negeri Pulau Pinang, Daerah Seberang Perai Utara

No. Siasatan: 1/2004

Siasatan di bawah seksyen 84 terhadap pegangan No. 1602 Mukim 6, Seberang Perai Utara.

Pendapat:

Saya berpendapat seperti berikut—

1. Tanah pegangan ini menjadi keraguan kerana ianya telah dibatalkan menurut minit Timbalan Pengarah Hakmilik Geran Tanah Pulau Pinang pada 30-12-1985.
2. Setelah siasatan dibuat didapati bahawa tanah ini masih wujud. Terdapat 2 buah rumah dan satu stor di atas tanah ini. Satu ukuran telah dibuat oleh tuan tanah dan keluasannya telah menyamai ukuran di Pejabat Ukur iaitu 0.231 ekar. Menurut ukuran asal, tanah ini ialah 36.95 poles.
3. Laporan dari Pejabat Ukur juga tidak menghalang untuk lot ini dibuka semula jika Pesuruhjaya berpuashati melalui siasatan bahawa tanah ini masih wujud dan digunakan.
4. Tuan tanah asal pegangan ini mengikut 882/180 ialah Yahaya bin Yacob. Oleh yang demikian saya membuat keputusan seperti berikut:
 - (a) Batalkan minit Timbalan Pengarah Hakmilik Geran Tanah, Pulau Pinang bertarikh 30-12-1985.
 - (b) Bukakan balik folio untuk tanah pegangan 1602 Mukim 6, Seberang Perai Utara (Lot lama 65(2)).
 - (c) Daftarkan nama Yahaya bin Yacob—Kesemua bahagian.

Diperbuat di bawah tandatangan saya dan meterai pada 13 Februari 2004.
[PHMT/A/3/C/DSPU/26603.]

WAN RUHANI BINTI WAN DAUD,
Timbalan Pengarah Hakmilik Geran Tanah,
Pulau Pinang

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

No. 82.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu seperti dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu seperti dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Barat Daya, Pulau Pinang

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil	
			METER PERSEGI	METER PERSEGI
755 Mukim 6	GM 474	Honway Sdn. Bhd. 1/2 dan Tan Hong Poh @ Tan Hong Poo 1/2 bahagian	803.0468	803.0468
756 Mukim 6	GM 96	Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd.	16111.5216	16111.5216
759 Mukim 6	GM 97	Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd.	6070.275	6070.275
772 Mukim 6	GM 729	Honway Sdn. Bhd. 1/2 dan Tan Hong Poh @ Tan Hong Poo 1/2 bahagian	12063.6777	12063.6777
312 Mukim 5	GM 39	Kim Seang Hodings Sdn. Bhd. 1/3, Tan Choon Chin 1/3 dan Tan Long Thuan 1/3 bahagian	HEKTAR 0.9842	HEKTAR 0.9842

Bertarikh 16 Februari 2004.

[PTG/PT/BD/235; PTBD/B/270.]

HAJI ARIFIN BIN AWANG,
Pesuruhjaya

No. 83.

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu seperti dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu seperti dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Seberang Perai Tengah; Mukim—2

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil	
			EKAR	EKAR
309	Geran Mukim 182	Tomb binti Yusoff @ Soam binti Yusoff dan M. Mun bin Mat sebagai Pemegang Amanah Seumur Hidup 1, 1/1 bahagian	2.069	0.0385

Bertarikh 16 Februari 2004.

[PTG/PT/SPT/265; PTSPT/B/520.]

HAJI ARIFIN BIN AWANG,
Pesuruhjaya

No. 84.

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu seperti dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu seperti dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Seberang Perai Utara; Mukim—16

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil	
			EKAR	EKAR
341	Geran Mukim 433	Fadilah binti Salleh 1/3, Hasiah binti Saleh 1/3 dan Yusof bin Salleh 1/3 bahagian	0.544	0.0899

Bertarikh 16 Februari 2004.

[PTG/PT/SPU/442; PTSPU/B/715.]

HAJI ARIFIN BIN AWANG,
Pesuruhjaya

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR STAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA